

TEKS PENGGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N08 BAGAN JERMAL
EXCO BELIA DAN SUKAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.

Terima kasih kepada **Dato' Yang di-Pertua DUN** yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam menjawab soalan yang berkaitan dengan Belia dan Sukan di negeri Pulau Pinang. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Backbenchers dan pembangkang terutamanya kepada **Pengkalan Kota, Machang Bubok dan Sungai Bakap** di atas kesudian menyentuh isu-isu yang berkaitan Belia dan Sukan yang menjadi tunjang utama dalam memakmurkan sebuah negeri.

Komited Dalam Pemerkasaan Belia Di Negeri Pulau Pinang
Isu Bantuan Pengajian Tinggi Belia

Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya memetik kata-kata daripada Luqman al-Hakim iaitu "Tuntutlah ilmu, Disaat kamu Miskin ia akan jadi hartamu, Disaat kamu Kaya ia akan jadi Perhiasanmu.". Kerajaan negeri tentunya komited untuk memastikan pendidikan anak-anak muda sentiasa terjamin demi kelangsungan masa hadapan. Berikut merupakan bantuan pengajian tinggi yang dapat dimanfaatkan oleh anak-anak Pulau Pinang:

1. I-BITA PULAU PINANG

- UNIVERSITI DALAM NEGARA = RM1,000
- UNIVERSITI DI SABAH/SARAWAK = RM1,200
- POLITEKNIK = RM300

2. ZAKAT PULAU PINANG

- DALAM NEGARA; ~IJAZAH = RM1,000 ~DIPLOMA = RM800 ~MATRIKULASI = RM600
- LUAR NEGARA = RM2000

Isu Gejala Sosial Belia

Dewan yang mulia, pada Julai tahun lepas kita semua dikejutkan kemalangan jalan raya membabitkan **lima penunggang motosikal yang maut** ketika aktiviti lumba haram di Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu. Kehilangan nyawa terutama para belia sudah tentu satu satu kehilangan yang cukup besar untuk keluarga besar Pulau Pinang.

Untuk pengetahuan ahli yang berhormat, Kerajaan Pulau Pinang pernah merancang untuk **membina litar lumba di Batu Kawan di atas tanah berkeluasan 2.8 hektar** yang sudah dikenal pasti sebagai lokasi yang sesuai untuk menyediakan litar khusus kepada peminat sukan motosikal serta mengatasi masalah gejala sosial di negeri ini. Namun demikian, sehingga kini tiada syarikat yang berminat dengan projek berkenaan. Kerajaan negeri juga telah menjemput syarikat-syarikat yang layak untuk menyertai tender projek berkenaan di bawah Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri namun masih tidak mendapat maklum balas.

Saya berpendirian bahawa pembinaan sebuah infrastruktur harus dilihat secara holistik dan bukan terburu-buru kerana takut akhirnya menjadi usaha yang sia-sia. Walaupun demikian, Kerajaan Negeri sedang berusaha sedaya upaya untuk memastikan hak dan keinginan rakyat dapat ditunaikan. Di samping kempen kesedaran yang berterusan serta pendidikan belia tentang keselamatan jalan raya yang harus dimainkan oleh semua pihak agar *“Berat sama dipikul, Ringan sama dijinjing”*.

Isu Kemosototan Populasi Belia

Dewan yang mulia, seorang Bapa Kemerdekaan Republik Indonesia pernah berkata iaitu “Beri aku 1,000 orang tua, niscaya akan kucabut semeru dari akarnya. Beri aku 10 orang pemuda, niscaya akan kuguncangkan dunia.”.Belia merupakan aset penting yang harus sentiasa diberikan perhatian oleh kerajaan negeri agar nasib mereka sentiasa terbela. Terlebih dahulu izinkan saya kongsi statistik dan data yang diperolehi daripada MyCensus2020 populasi belia di negeri Pulau Pinang;

- 20-24 Tahun : **LELAKI = 62,313, WANITA = 65,984**
- 25-29 Tahun : **LELAKI = 84,783, WANITA = 78,454**
- 30-34 Tahun : **LELAKI = 94,998, WANITA = 87,680**

Tuan yang dipertua, Penang Youth Development Corporation (PYDC) adalah sebuah inisiatif ‘Belia Untuk Masa Depan’ (Youth For Future) yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan untuk membangunkan belia dalam menghadapi cabaran masa depan serta menyumbang kepada negeri khususnya dan negara amnya. Tiga aspek yang ditekankan oleh PYDC iaitu :

- 1. Pembangunan Ekonomi**
- 2. Pembangunan Sosial**
- 3. Pembangunan Diri**

Seterusnya, kata Bung Karno “Aku lebih senang pemuda merokok dan minum kopi sambil berdiskusi tentang bangsa ini, daripada pemuda kutu buku yang memikirkan diri sendiri”. Kerajaan Negeri di bawah pimpinan YAB Padang Kota sentiasa menitik beratkan tentang perihal belia agar mereka bergerak secara progresif berdasarkan 6 Loncatan Peringkat Pembangunan yang telah ditetapkan seperti :

- 1. Pengukuhan Akademik**
- 2. Kemajuan Kerjaya**
- 3. Perkembangan Sosial**
- 4. Peningkatan Kemahiran**
- 5. Penambahbaikan Diri**
- 6. Pembangunan Kreatif**

Pada era ini, Faktor gaji atau kos sara hidup yang tinggi bukanlah “*the only one factor*” untuk mereka tidak menetap disini kerana ada dikalangan para belia yang ingin mencari pengalaman yang baharu seperti merantau ke luar negeri dan negara. Akan tetapi itu bukanlah alasan untuk Kerajaan Negeri untuk bersikap *acuh tak acuh*. Untuk menarik minat para belia, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menganjurkan pelbagai program untuk mereka turut serta, antaranya :

- **Sukarelawan Belia Pulau Pinang**
- **Sidang Muda**
- **Pertandingan Keusahawanan Belia**
- **Bakat Muda Digital Pulau Pinang**
- **Best Anak Penang**
- **Portal Kerjaya “WE WANT YOU” dan pelbagai lagi**

Dato' Yang Dipertua serta Ahli Dewan yang saya kasihi, petikan ayat yang cukup popular di dalam sebuah buku **The Art Of War** karya Sun Tzu, "***Know your enemy and know yourself, and in 100 battles you never be in peril.***". Jangan pernah berhenti belajar dan mencari pengalaman kerana ia amat berguna dalam proses kehidupan seharian.

Nor Osama Haikal Bin Abd Wahab

N08 Bagan Jermal

Sidang Muda 2022/23

